

## **ZUHUD UNTUK PEMBANGUNAN LESTARI ISLAM**

**Siti Nur Aafifah Hashim<sup>1</sup>**  
**Muslihah Mazlan<sup>2</sup>**

### **Abstrak**

Usaha untuk perlaksanaan pembangunan lestari di dunia telah mula berkembang sejak Persidangan di Ottawa, Ontario pada tahun 1987. Namun, terdapat pelbagai kritikan diterima dalam perlaksanaan pembangunan lestari ini kerana dasarnya yang kurang jelas, tidak lengkap malah tidak bersesuaian dilaksanakan ke atas masyarakat Islam. Walaupun demikian, konsep pembangunan lestari lazim ini tetap digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan pembangunan Islam. Melihat kepada permasalahan ini, wujudnya usaha untuk mewujudkan konsep dan teori pembangunan lestari Islam yang didasari dengan nilai kerohanian seperti zuhud. Oleh itu, kertas kerja ini berhasrat untuk meneliti konsep zuhud sebagai salah satu strategi pembangunan lestari Islam. Penilitian terhadap kajian serta karya terdahulu mendapati bahawa penerapan sifat zuhud merupakan satu aspek penting bagi pembangunan lestari Islam kerana sifat zuhud ini dapat membentuk akhlak serta mendisiplinkan diri pelaku pembangunan lestari Islam menerusi pencapaian matlamat zuhud yang dibincangkan dalam kertas kerja ini, sejurus melaksanakan pembangunan yang mencapai keredhaan Allah.

**Kata kunci:** *zuhud, pembangunan lestari Islam, disiplin diri*

---

<sup>1</sup> Merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Pulau Pinang (USM). E-mel: aafifahhashim16@gmail.com.

<sup>2</sup> Muslihah Binti Mazlan merupakan pensyarah di Jabatan Usuluddin, Kolej Universiti Islam Melaka. E-mel: muslihah@kuim.edu.my

## **Abstract**

Efforts to implement sustainable development in the world have begun to grow since the Conference in Ottawa, Ontario in 1987. However, there have been numerous criticisms received in the implementation of this sustainable development because of its lack of clear, incomplete and inadequate policies on Islamic societies. Nevertheless, the concept of sustainable development is still used to solve problems related to Islamic development. Looking at these issues, there is an attempt to establish the concept and the theory of sustainable Islamic development based on spiritual values such as zuhud. Therefore, this paper intends to examine the concept of zuhud as one of the Islamic sustainable development strategies. Research on previous studies and works finds that the application of zuhud is an important aspect of sustainable Islamic development as this zuhud characterizes the morality and disciplines of self-centered Islamic development practitioners through the achievement of the zuhud goals discussed in this paper

**Keywords:** *Zuhud, Sustainable Development of Islam, Self Discipline*

## **PENGENALAN**

Pembangunan lestari telah menjadi asas utama dalam pembangunan kontemporari. Pembangunan lestari dipercayai dapat menyelesaikan banyak permasalahan melibatkan pembangunan terutama dari sudut alam sekitar dan kadar kemiskinan. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mencari strategi mahupun konsep yang sesuai dalam pembangunan lestari lazim mahupun pembangunan lestari Islam bagi memastikan kejayaan dalam pembangunan lestari yang dijalankan (Sapia Moalam Abdulrachman, 2011). Namun, masih terdapat banyak kelemahan dan kritikan ke atas konsep pembangunan lestari yang digunakan (Intan Nursyuhada Muhamad Nasir, 2013). Begitu juga dengan pembangunan lestari Islam yang kebanyakannya dijalankan berpandukan kepada konsep pembangunan lestari lazim. Bezanya pembangunan lestari ini dilakukan di negara Islam. Selain itu, konsep pembangunan lestari lazim ini juga digunakan untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan berkaitan Islam seperti kewangan Islam (Michael C. Ewers et. al, 2016) perbandaran Islam, ekonomi Islam dan pelancongan Islam. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003), pembangunan Islam yang masih menggunakan sistem barat dalam pembangunan tersebut belum boleh dikatakan sebagai pembangunan berteraskan Islam. Sebaliknya, masih kekal dalam kerangka pembangunan lazim.

World Commission on Environment and Development (WCED) 1987 mendefinisikan pembangunan lestari sebagai sebuah pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa pengabaian untuk generasi akan datang dalam memenuhi keperluan mereka. Keperluan manusia diserlahkan dalam

pendefinisan WCED 1987 ini yang menimbulkan kepentingan duniawi melibatkan antara keperluan dan generasi (Brigulio, 2003). Keperluan manusia merupakan pelbagai jenis barang, perkhidmatan dan juga kesihatan yang baik, pendidikan, pekerjaan, perumahan (Sexton, 2000), latihan, hubungan, dan termasuk satu syarat untuk mengekalkan piawaian kehidupan yang boleh diterima oleh semua orang (Khalfan, 2002). Dari perspektif Islam, keperluan asas seseorang itu meliputi dua perkara iaitu pertama, keperluan rohani yang boleh dicapai melalui hubungan dan kepercayaan kepada Allah SWT dan kedua, keperluan fizikal yang dapat dipenuhi melalui kepenggunaan sumber yang Allah SWT jadikan dengan sebaiknya (Ahmed, 2002).

Pembangunan lestari lazim sebelum ini dikritik kerana dikatakan tidak lengkap dengan hanya menekankan aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar. sebaliknya pembangunan lestari perlu meliputi pembangunan rohani dan sosiobudaya (Hafsa Orhan Astrom, 2011 ; Mohamad Zain, 2011). Menurut Sapia Moalam Abdulrachman (2011), tingkah laku manusia yang tidak dipengaruhi dengan penerapan aspek kerohanian Islam dalam dirinya boleh menghalang kelancaran pembangunan lestari yang dijalankan. Melihat kepada kepentingan pembangunan rohani dalam pembangunan lestari Islam, pendekatan zuhud dicadangkan sebagai satu disiplin yang boleh diaplikasikan dalam pembangunan lestari Islam dan dijangkakan dapat membantu mengatasi masalah yang berlaku dalam pembangunan lestari Islam dari segi disiplin pelaku pembangunan. Kertas kerja ini berhasrat untuk melihat lebih lanjut matlamat pengaplikasian zuhud dalam kontemporari bagi tujuan pencapaian dalam pembangunan lestari Islam.

## KONSEP ZUHUD

Perkataan zuhud berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu al-Zuhd (الزُّهْد) yang merupakan terbitan daripada perkataan zahada (زَهَادَةً) yang bermaksud tidak gemar atau tidak tamak kepada dunia. Perkataan zuhud adalah istilah bahasa Arab yang tidak mempunyai maksud secara langsung dari bahasa lain, tetapi secara istilah ia membawa maksud pelepasan ikatan, penjimatan, disiplin diri dan penyangkalan diri. Tetapi yang paling penting zuhud adalah satu konsep agama yang melibatkan satu amalan yang akan membawa pengamalnya untuk mendapatkan keredaan Allah SWT (Ismail Abdul Fatai Olohungunmi, 2015).

Menurut Ibn Manzur (t.t), mereka yang zuhud ialah mereka yang mempunyai sedikit harta tetapi merupakan orang yang paling baik di sisi Allah SWT. Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh al-Razi (1967) yang menyatakan bahawa perkataan zuhud ini adalah lawan kepada sifat gemar kepada dunia. Istilah zuhud menurut bahasa pula ialah kehidupan seseorang yang tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).

Menurut Hamka (1987), zuhud merupakan perbuatan yang tidak memikirkan hal keduniaan, kemegahan, harta benda dan pangkat. Tambah beliau lagi, seseorang itu tidak boleh hanya memberi penumpuan kepada kerohanian

semata-mata dan meninggalkan keduniaan secara keseluruhan kerana diyakini akan membawa kepada kemunculan masalah yang lain. Menurut Hamka (2009) pula, mereka yang zuhud ialah mereka yang memiliki harta tetapi hanya menggunakan harta tersebut untuk perkara yang berfaedah kepada agama. Berdasarkan kepada pendefinisian Hamka di atas, dapat difahami bahawa zuhud itu bukannya meninggalkan segala kemewahan dunia, bukan juga yang malas serta lemah tidak berdaya tetapi mereka yang bersemangat juang dalam pekerjaan dan sanggup melakukan pengorbanan. Atas sebab ini Hamka berpendapat, zuhud bermaksud seseorang itu perlu membahagikan antara kehidupan dunia dan akhirat. Sa'id Hawwa (2004) pula, berpendapat bahawa seorang yang zuhud bukanlah mereka yang meninggalkan harta ataupun yang berpura-pura meninggalkan harta kerana hal ini akan menyamai keadaan rahib yang tinggal di biara dan hanya makan makanan yang sedikit sahaja.

Menurut pendapat Abu Wafa' al-Taftazani (1970), zuhud bukanlah cara hidup yang menjauhkan diri daripada dunia tetapi perlu bekerja dan berusaha tanpa menjadikan dunia ini perkara utama dan tidak pula mengingkari perintah Allah SWT. Menurut Al-Falembani (2004), hakikat zuhud ialah meninggalkan perasaan kasih terhadap dunia kerana menginginkan sesuatu yang lebih baik di akhirat.

Jika dilihat kepada pendapat yang dikemukakan berkaitan zuhud, dapat difahami bahawa zuhud bukanlah satu bentuk penolakan mutlak terhadap dunia, namun zuhud merupakan satu disiplin melibatkan penyucian hati dalam menjalankan aktiviti harian dengan lebih bersifat rendah hati, menyesuaikan diri dengan keadaan sosial, amanah, dan berusaha menepis segala godaan dunia yang merosakkan dengan cara mengingati hakikat diri sebagai hamba dan khalifah di atas muka bumi ini.

### **Zuhud Sebagai Akhlak**

Zuhud merupakan akhlak bagi seseorang muslim dan tanpa akhlak, seseorang itu tidak boleh dikatakan sebagai zuhud. Amin Syukur (2002), menjelaskan bahawa perbincangan berkaitan zuhud tidak boleh terlepas dari dua perkara utama iaitu tasawuf dan akhlak. Zuhud sebagai akhlak, menurut Amin Syukur (2002), merupakan satu sifat yang seharusnya dimiliki oleh setiap yang bergelar Muslim kerana sifat zuhud inilah yang akan membezakan di antara orang Islam dan bukan Islam. Zuhud bukanlah satu aktiviti pertapaan yang difahami oleh sebilangan besar masyarakat, tetapi ia merupakan satu garis panduan yang membataskan aktiviti manusia supaya setiap aktiviti itu menjadi asbab kepada mencapai keredhaan Allah SWT serta dapat bertemu dengan Allah SWT di akhirat kelak. Manusia tetap perlu bekerja keras untuk mencapai kejayaan di dunia, namun kejayaan di dunia itu tidak dapat menguasai hatinya dari melanggar perintah Allah SWT dalam mencapai kejayaan (Abu Wafa al-Taftazani, 1970).

Konsep zuhud sebagai akhlak juga merupakan tingkah laku seseorang yang mengutamakan kebaikan dalam setiap hal serta mendahului kepentingan orang lain

melebihi kepentingan dirinya sendiri (al-Qusyairi, tt). Selain itu, Sufyan al-Thawri (1986) pula menyatakan zuhud itu bukanlah seseorang yang memakai pakaian yang lusuh ataupun memakan sesuatu yang tidak enak, tetapi zuhud itu merupakan sikap rendah hati dan kasih sayang seseorang dalam meneliti dan memenuhi keperluan orang lain.

## **ZUHUD SEBAGAI STRATEGI PEMBANGUNAN LESTARI ISLAM**

Kemajuan dalam teknologi sebagai usaha untuk pembangunan lestari telah bertambah baik. Namun, terdapat beberapa halangan dalam pembangunan tersebut antaranya adalah kekurangan nilai-nilai rohani dalam diri pelaku pembangunan lestari khususnya pelaku pembangunan lestari Islam. Menurut Sapia Moalam Abdulrachman (2011), sistem alam yang diciptakan oleh Allah SWT saling bergantung antara satu sama lain dan diselaraskan oleh komponen rohani. Tambahan beliau, pembangunan fizikal, sosial, ekonomi mahupun budaya yang dijalankan adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan rohani. Keperluan rohani dalam Islam adalah ketaatan dalam menyembah Allah SWT tanpa dibatasi oleh masa, amalan mahupun generasi bagi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pembangunan lestari Islam merupakan satu pembangunan yang berusaha mencapai kesederhanaan, keseimbangan serta keadilan dari sudut pembangunan fizikal mahupun pembangunan rohani (Shaharir Mohamad Zain, 2012). Takrifan ini dibahaskan oleh Mohd Syahmir Alias (2016) sebagai sebuah pembangunan yang sarat dengan nilai-nilai keagamaan serta menjalankan pembangunan tanpa menghapuskan sumber alam bagi dinikmati oleh generasi akan datang. Melihat kepada dimensi keperluan rohani dalam pembangunan lestari Islam, dapat dinyatakan bahawa tanpa penerapan nilai-nilai kerohanian dalam pembangunan lestari Islam ini akan mengakibatkan seseorang itu berdosa seterusnya membawa kegagalan dalam pembangunan lestari Islam secara holistik (Ahmad Farid Moustapha, 1986; Sapia Moalam Abdulrachman, 2011).

### **Matlamat Zuhud**

Ibnu Qayyim dalam Abdul Azim Islahi (2009) menyatakan matlamat utama memiliki sifat zuhud adalah untuk mencapai keredhaan Allah SWT menerusi setiap aktiviti yang dijalankan di dunia ini. Dunia sebagai pentas untuk kita membina jambatan menuju kepada Allah SWT dengan cara meninggalkan segala laranganNya serta mengamalkan suruhanNya. Namun, menerusi artikel ini akan mengemukakan dua matlamat zuhud bagi tujuan strategi pembangunan lestari Islam. Pertama, kesedaran manusia sebagai khalifatullah di muka bumi dan kedua, kesungguhan dalam mencari keredhaan Allah SWT di dunia dan juga di akhirat.

Manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan sifat kesempurnaan yang memilik akal untuk berfikir, hati untuk merasa serta dapat membuat perbezaan antara hal yang baik dengan yang buruk (Mohd. Ali bin Abu Bakar, 1986). Atas sebab keistimewaan inilah manusia diangkat oleh Allah SWT untuk menjadi

khalifatullah di muka bumi dan hal inilah yang perlu disedari oleh setiap manusia. Kesedaran manusia sebagai khalifatullah akan memupuk sifat-sifat terpuji serta ketaatan hamba kepada Allah SWT tanpa batasan dan berpotensi untuk meningkatkan kemajuan moral, rohani dan intelektual manusia (Ashraf, 1985). Dengan kesedaran sebagai khalifatullah di bumi, membuatkan pelaku pembangunan mengambil setiap langkah berjaga-jaga bagi memastikan kepentingan dan hak-hak orang lain serta menganggap penguasaan ke atas setiap sumber tanah sebagai pemilikan bersama dengan generasi akan datang (Iyad Abumoghli, 2010).

Bagi mencapai matlamat pertama ini, Ashraf (1985) menyatakan bahawa ilmu dan pengetahuan merupakan hal yang terpenting kerana keduanya adalah sumber kemajuan dalam pembangunan. Tiga hal yang digariskan oleh beliau berkaitan ilmu dan pengetahuan. Pertama, dengan memiliki ilmu, pelbagai kepakaran intelektual dapat dicapai bagi tujuan pembangunan. Kedua, aspek-aspek rohani, moral, intelektual, imaginasi, emosi dan fizikal personaliti manusia akan sentiasa diawasi dan berdisiplin. Ketiga, pembangunan akhlak dilihat dalam konteks hubungan manusia dengan Allah SWT, manusia dan alam. Oleh itu, dengan memiliki ilmu manusia akan lebih memahami konsep khalifatullah yang merujuk kepada manusia sebagai individu, manusia sebagai makhluk sosial dan manusia sebagai makhluk yang mempunyai tujuan untuk hidup dalam harmoni dengan alam ciptaan Allah SWT.

Matlamat zuhud yang kedua iaitu kesungguhan dalam mencari keredhaan Allah SWT di dunia dan juga di akhirat dapat dicapai melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang disarankan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan hadis iaitu memakmurkan bumi dengan pembangunan Islam tanpa memusnahkan kehidupan alam (Ismail Abdul Fatai Olohungunmi, 2015). Bumi disebut sebanyak 61 kali yang menggambarkan bahawa bumi ini telah diciptakan oleh Allah SWT dengan tujuan yang khusus dengan masa yang terhad. Penggunaan sumber semula jadi adalah amanah kepada manusia untuk mengurus semata-mata dan bukan sebagai pemilik (Iyad Abumoghli, 2010). Oleh itu, umat Islam khususnya perlu menggunakan bumi penuh tanggungjawab, jujur, menggunakan secara sederhana, serta memelihra dan memulihara untuk generasi akan datang. Terdapat tiga proses yang perlu diterapkan bagi mencapai matlamat zuhud yang kedua ini iaitu pertama; penyucian jiwa, kedua; disiplin diri, dan ketiga; penilaian berterusan terhadap diri.

Penyucian jiwa yang dibincangkan dalam penulisan ini adalah taubat seorang manusia terhadap Allah SWT. Melalui proses penyucian jiwa ini taubat merupakan langkah pertama bagi manusia mendekatkan diri kepada Allah SWT seterusnya mencapai keredhaan Allah SWT apabila sebahagian besar dosa<sup>3</sup> telah disucikan melalui taubat (H. A. Rivary, 1999). Taubat menurut al-Ghazali (2004)

<sup>3</sup> Dosa dianggap sebagai kotoran yang menghalangi manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta jauh dari mendapat keredhaan Allah SWT. Kotoran ini hanya boleh dibersihkan melalui proses taubat (H. A. Rivary, 1999).

adalah kembali dari kejahanan, kealpaan dan kelalaian dari mengingati Allah SWT kerana takut akan siksaan Allah SWT, mengharapkan ganjaran serta keredhaan Allah SWT. Seterusnya, untuk mencari keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat perlunya kepada proses mendisiplinkan diri melalui sifat wara'. Sifat wara' dalam konsep zuhud adalah menghindarkan diri dari segala keburukan (H. A. Rivary, 1999) serta berusaha menjauhkan diri dari segala bentuk kemudarat (al-Ghazali, t.t). Tambah al-Ghazali (2004), wara' yang dilaksanakan sebagai zuhud adalah usaha memalingkan diri dari sesuatu yang haram<sup>4</sup> dan syubhah<sup>5</sup> dalam waktu yang sama tetap bekerja keras untuk kehidupan yang lebih baik di dunia. Proses terakhir ialah penilaian berterusan terhadap diri ini diwujudkan kerana menurut Mif Rohim & Surtahman Kastin (2013), zuhud dalam mencapai keredhaan Allah SWT, hendaklah dinilai secara tersusun dan berterusan kerana zuhud hanya boleh dicapai melalui pengalaman rasa dan mujahadah untuk sentiasa meningkatkan diri ke tahap yang lebih baik dan akhirnya mencapai keredhaan Allah SWT di dunia dan juga di akhirat.

Dalam menjalankan pembangunan lestari Islam, pelaku pembangunan konsep zuhud dilihat penting untuk dijadikan teras kepada pembangunan yang dijalankan. Kesedaran manusia sebagai khalifatullah mendorong kepada rasa tanggungjawab manusia yang sangat berkait rapat dengan alam iaitu menguruskan bumi ini (Hazura Abu Bakar Sharifah & Norhaidah Syed Idros, 2007) sebaik mungkin sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang Khalifah di atas muka bumi. Maka mereka menjawab: Adakah patut Engkau menjadikan di atas muka bumi orang yang berbuat bencana dan menumpahkan darah sedangkan kami bertasbih memuji Engkau dan mensucikan Engkau? Allah SWT berfirman: Sesungguhnya Aku mengetahui apa-apa yang tiada kamu ketahui. Allah SWT mengajarnya semua nama benda kemudian dibawa benda-benda itu kepada Malaikat, lalu Allah SWT berfirman; “Khabarkan kepada-Ku nama benda-benda ini, jika kamu yang benar”. Jawab mereka: “Maha Suci Engkau tidaklah kami tahu sesuatu itu kecuali apa-apa yang engkau ajarkan kepada kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui Lagi Maha Bijaksana”. Allah SWT berfirman: “Hai Adam, beritahulah kepada Malaikat nama benda-benda ini.”

(al-Baqarah:30-32)

<sup>4</sup> Imam Ibn Hanbal menghadkan yang haram ini sebagai batas zuhud awam (Mohd Fakhrudin Abdul Mukti, 2000).

<sup>5</sup> Imam al-Ghazali meletakan wara' dalam perkara yang haram dan syubhah sebagai dua syarat untuk dikategorikan sebagai zuhud peringkat rendah (al-Ghazali, 2004(4)). Kalau syarat haram sahaja dipenuhi, ia belum dikatakan zuhud.

Menurut tafsir Ibnu Kasir terjemahan al-Imam Abul Fida Ismai'l Ibnu Kasir ad-Dimasyqi (2000), ayat ini menjelaskan bahawa khalifahtullah itu adalah mereka yang saling berganti untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab memakmurkan bumi serta menjalankan '*amr ma'ruf nahi munkar*'. manakala mereka yang membuat kerosakan dan pertumpahan darah di atas muka bumi itu tidaklah termasuk dalam kalangan khalifatullah.

Penyucian jiwa dari kejahilan dan kelalaian dalam mengingati Allah SWT juga penting dalam pembangunan lestari Islam kerana menurut Aboebakar Atjeh (1977), manusia jahil dan lalai merupakan manusia yang sentiasa mementingkan kebendaan berbanding mencapai keredhaan Allah SWT serta sukar untuk mengawal nafsu dari kecintaan kepada dunia. Tambahan beliau, sifat jahil dan lalai menjadikan perwatakan, tingkah laku seorang manusia itu buruk dan perasaannya juga sempit untuk berkeinginan mencari keredhaan Allah SWT. Jika tidak ada proses penyucian jiwa ini dilakukan, maka akan mengakibatkan pembangunan lestari Islam yang akan dijalankan lebih mementingkan tuntutan duniawi berbanding ukhrawi.

Permasalahan disiplin yang berlaku dalam pembangunan lestari Islam juga dapat diatasi dengan penerapan sifat wara' kerana sifat ini mampu menghalang manusia daripada melibatkan diri dengan kegiatan yang ditegah oleh syarak. Sifat wara' ini dapat membatasi setiap tingkah laku manusia yang bermatlamat untuk mencapai keredhaan Allah SWT berbanding mencapai kemashuran di dunia. Oleh itu, kehendak kepada perkara duniawi itu akan berkurangan dan akan membawa kepada pengurangan permasalahan perebutan harta dan sumber alam (Mif Rohim & Surtahman Kastin, 2013).

Dua matlamat zuhud yang dinyatakan menjelaskan kepentingan pengaplikasian zuhud dalam kelancaran pembangunan lestari Islam. Tanpa disiplin menerusi sifat zuhud ini pembangunan lestari Islam akan tetap menghadapi permasalah yang sama seperti pengeksploitasi sumber alam yang tidak terkawal, perebutan kahzanah alam, penyelewengan dan juga penindasan terhadap makhluk bumi. Allah SWT tidak melarang manusia untuk menjalankan pembangunan, tetapi hendaklah sentiasa dibatasi dengan akhlak dan disiplin sewajar dengan ajaran Islam seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

"Katakanlah: "Siapakah yang mengharamkan perhiasan dari Allah SWT yang telah dikeluarkanNya untuk hamba-hambaNya. Dan rezeki yang baik-baik?" Katakanlah: "Semuanya itu (disediakan) bagi orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia, khusus (untuk mereka sahaja) di hari kiamah. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat itu bagi orang-orang yang mengetahui. Katakanlah! Tuhanku hanya mengharamkan perbuatan yang keji, baik yang nampak atau yang tersembunyi, dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar, (mengharamkan)

mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang Allah SWT tidak menurunkan hujah untuk (mengharamkan) dan mengadakan terhadap Allah SWT apa yang tidak kamu ketahui".

(al-A'raff, 7:32-33)

Dunia ini diciptakan oleh Allah SWT untuk manusia menjalankan tanggungjawab sebagai khalifatullah di samping berusaha mencapai keredhaan Allah SWT di dunia dan juga di akhirat. Segala sistem pembangunan yang ada di atas muka bumi ini akan berjalan dengan sempurna jika seseorang itu menyedari peranannya sebagai khalifahtullah (Azila Ahmad Sarkawi et.al, 2016).

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini telah membincangkan tentang konsep zuhud sebagai salah satu strategi pembangunan lestari Islam. Pembangunan lestari Islam merupakan satu pembangunan yang menjadikan manusia bertanggungjawab sebagai khalifatullah di muka bumi. Berdasarkan penelitian, konsep zuhud merupakan satu disiplin atau akhlak yang diterapkan bertujuan untuk mencapai keredhaan Allah. Zuhud dalam pembangunan lestari Islam bermatlamatkan kesedaran manusia sebagai khalifatullah dan mencapai keredhaan Allah melalui proses penyucian jiwa, disiplin diri dan penilaian berterusan terhadap diri. Komponen-komponen dalam konsep zuhud ini seterusnya boleh digunakan untuk pembangunan lestari Islam melalui taubat, sifat wara' dan bermujahadah melakukan *amar ma'ruf dan nahi munkar*. Melalui disiplin yang diterapkan dari konsep zuhud oleh kalangan rakyat dan tadbir urus yang baik pembangunan lestari Islam boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Kesimpulannya, konsep zuhud sebagai strategi pembangunan lestari adalah memenuhi keseluruhan keperluan manusia dalam semua generasi dan pada masa yang sama memenuhi tanggungjawab manusia kepada dirinya sendiri, kepada sesama insan, kepada alam sekitar dan kepada Allah SWT.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abu al-Wafa al-Ghanimi al-Taftazani (1997). *Sufi dari Zaman ke Zaman*. Bandung. Pustaka.
- Abdul Azim Islahi. (2009). *Economic Thought Of Ibn Al-Qayyim (1292 – 1350 A.D.)*. International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdulaziz University. Jeddah-21474, Saudi Arabia.
- Abu al-Wafa' al-Taftazani. (1970). *Al-Madkhil ila al-Tasawwuf al-Islami*, al-Qahirah: Dar al- Saqafah.

- Abumoghli, Iyad (2010). *Sustainable Development in Islam*. Available from: [www.waterwiki.net/](http://www.waterwiki.net/) sustainable\_Development\_in\_Islamic\_Law
- Afifi al-Abu al-Ala (1969). *Fi al-Tasawuf al-Islam wa Tarikhih*. Terjamah al-Nashr. Kairo. Lajnah al-Ta'alif..
- Ahmad Farid Moustapha. (1986). Islamic Values in Contemporory in Urbanism, *First Australian International Islamic Conference. Melbourne, Australia*.
- Ahmad Zuhri. (2010). Mbah Munawar, Tasawuf dan kelestarian lingkungan. *Jurnal Penelitian*. Vol 7, No 2.
- Amin Syukur & Masyaruddin (2002). *Intelektualisme Tasawuf*, Semarang. LEMBKOTA.
- Amin Syukur. (1999). *Menggugat tasawuf*. Yogyakarta. Pustaka Pelajar.
- Amin Syukur. (2002). *Zuhud di Abad Modern*. Yogyakarta. Pustaka Pelajar.
- Amin Syukur. (2004). *Zuhud di Abad Modern*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Azila Ahmad Sarkawi, Alias Abdullah, Norimah Md. Dali. (2016). *International Journal of Business, Economics and Law*. Vol. 9, Issue 5. pp. 112-116.
- Bunyamin. (2013). *Dinamika Ilmu* Vol. 13. No. 1. pp.120-136.
- Hazura Abu Bakar Sharifah & Norhaidah Syed Idros. (2007). *Pemeliharaan Alam Tabii Bersumberkan Pengetahuan Islam*. DP. Jilid 7. pp 31-44.
- Ibn Manzur. (T.t). *Lisan al-'Arab*, al-Qahirah: Dar Al- Ma'arif.
- Ismail Abdul Fatai Olofunfunmi. (2015). *Islamic Concept of Zuhd in the Contemporary world*. Journal of Education and Practice. Vol.6. No.19. pp. 251-264.
- Kamal Azmi Abd Rahman, Indriaty Ismail & Mohd. Nasir Omar. (2014). *Manusia Dalam Wacana Pemikiran Modern Di Barat*. 366-375. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur.
- Mif Rohim & Surtahman Kastin. (2013). *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* 64:1. 111–120. Johor Baharu. UTM Press.
- Moh. Fudholi. (2011). Konsep 54 Zuhud al-Qushayri. Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam. Vol. 1 No. 1. pp 38-54.
- Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Ishak Hj Suliaman, Mohd Farhan Md Ariffin. (2016) *The Concept of Zuhud Based on Fiqh Al-Hadith*. Jurnal Intelek Vol 11(1): 24-30. PJIM&A, UiTM Perlis.
- Mohammad Kaosar Ahmed. (2014) *American Journal of Humanities and Social Sciences* Vo1. 2, No. 1. Pp. 43-53
- Mohd. Ali bin abu Bakar. (1986). *Kejadian Manusia dan Pejuangan Hidup*. Pustakan Aman Press Sdn. Bhd.: Kota Bharu
- Odeh, Al-Jayyousi. (2009) *Islamic Values and Rural Sustainable*, International Platform.
- Saiyed F. Al-Khouli. (2005) *On Islam's Attitude towards Sustainable Development*. J.KAU: Islamic Econ. Vol. 18, No. 1, pp. 35-40.

- Sapia Moalam Abdulrachman. (2010). *Integrating Spiritual Dimension In Sustainable Development Strategy An Islamic Perspective*. OIDA International Journal of Sustainable Development 02:11. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Shaharir Mohd Zain. (2011). A New Paradigm of Sustainability. *Journal of Sustainable Development*. 5(1), 91–99.
- Tafsir Ibnu Kasir. Terj. al-Imam Abul Fida Ismai'l Ibnu Kasir ad-Dimasyqi (2000). Sinar Baru Algensido. Bandung.
- Zubair Hasan, 2006, *Sustainable Development from an Islamic Perspective: Meaning, Implications, and Policy Concerns*, J . K AU: Islami c Econ. Vol 19, No. 1, pp: 3-18.